

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(B)4**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB ONG AH TEONG**

4. Apakah strategi dan pencapaian Kerajaan Negeri dalam menerokai pasaran pelancongan dari China?

**YB WONG HON WAI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui agensinya sentiasa berusaha menerokai pasaran pelancongan di China melalui pelbagai langkah antaranya:

- (a) Pengukuhan akses udara secara terus dengan kerjasama strategik bersama syarikat penerbangan untuk penambahan penerbangan terus dari China ke Pulau Pinang.

Buat masa ini, telah terdapat penerbangan terus dari empat (4) daripada lima (5) lapangan terbang yang paling sibuk dari China ke Pulau Pinang iaitu dari Shanghai, Guangzhou, Shenzhen dan Chengdu.

Sejak Ogos 2023 sehingga sekarang, terdapat tujuh (7) penerbangan baharu yang dilancarkan dari bandar-bandar di

China ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Senarai Penerbangan Baharu dari Bandar-bandar China ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (2023-2025) adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bulan/ Tahun</b>	<b>Sektor</b>	<b>Syarikat Penerbangan</b>
1	September 2023	Xiamen (XMN)	Xiamen Airlines
2	Mei 2024	Shanghai (PVG)	Juneyao Airlines
3	Julai 2024	Shenzhen (SZX)	Shenzhen Airlines
4	Ogos 2024	Shanghai (PVG)	Shanghai Airlines
5	Oktober 2024	Shenzhen (SZX)	AirAsia
6	November 2024	Hong Kong (HKG)	Hong Kong Express
7	April 2025	Chengdu (TFU)	Sichuan Airlines

Jadual ini tidak termasuk beberapa penerbangan sewaan (*chartered flight*) yang melancarkan penerbangan dari bandar-bandar China ke Pulau Pinang.

- (b) Kerajaan Negeri melaksanakan kempen pemasaran secara agresif di *platform* media sosial dan laman *web* pelancongan. Ini termasuk penyertaan dalam pameran pelancongan di China untuk membina jaringan perdagangan pelancongan. Selain itu, usaha turut dibuat bagi pengiklanan di *platform* dalam talian yang popular di kalangan pelancong China;
- (c) Kerjasama dengan *Online Travel Agency* (OTA) China dan syarikat penerbangan untuk menawarkan pakej pelancongan yang menarik dan memudahkan akses ke negeri-negeri pelancongan yang ditawarkan;
- (d) Melaksanakan *Familiarisation Trips* kepada agen pelancongan, media dan *influencer* dari China. Program ini dijalankan untuk memperkenalkan pengalaman secara langsung di George Town, Bukit Bendera, Balik Pulau, Seberang Perai serta tarikan gastronomi.
- (e) Platform media sosial *Xiaohongshu* (juga dikenali sebagai *Little Red Book*) semakin penting dalam strategi promosi pelancongan, terutamanya untuk menarik pelancong dari China

dan komuniti berbahasa Mandarin. Pelancongan Pulau Pinang aktif dipromosikan di *Xiaohongshu*. Banyak kandungan tentang Pulau Pinang seperti makanan jalanan, seni bina warisan, tempat bergambar menarik dan budaya tempatan telah dikongsikan oleh pengguna dan pempengaruh di *platform* tersebut.

Pencapaian yang ketara adalah dengan peningkatan mendadak pelancong dari Negara China yang tiba melalui ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang iaitu sebanyak 218.86% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Ketibaan pelancong China melalui ketibaan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ialah 5918 orang (tahun 2022), 37,711 orang (tahun 2023) dan 120,245 orang (tahun 2024).

Peningkatan ini membuktikan Negara China terus kekal sebagai salah satu pasaran utama luar negara bagi Pulau Pinang.